

TARIAN NAGA OLEH ORANG2 MELAYU DI BATU PAHAT:  
SESUATU YANG UNIK DALAM SEJARAH MALAYSIA

oleh

M.A. Pawazi Basri  
*Pelajar Tahun Akhir*  
*Universiti Malaya*

“Orang2 tua Melayu yang masih hidup lagi hingga sekarang ini dapat membayangkan peri bagaimana riang dan gembiranya mereka pada zaman itu manakala diadakan perarakan naga didalam satu2 majlis perkahwinan dibandar ini. Masih terdengar2 lagi bunyi gendang dan bereng2 yang dipalu sepanjang perarakan itu. Masih terpandang lagi bercherachak ‘Bunga Manggar’ yang berderet2 dimuka perarakan yang diangkat oleh anak2 dengan begitu bangga; begitu juga tidak dapat dilupakan bagai mana megahnya pemain2 naga yang berpakaian serba lengkap chara China, mengalunalkan badan naga dalam perarakan itu; lebeh2 lagi bagi mereka yang terpilih memegang peranan penting memegang kepala naga dan memainkan geliganya”<sup>1</sup>

Demikian sehebis gambaran dan ingatan dari penduduk Batu Pahat, Johor. Namun, mungkin petekan diatas tiada membawa apa2 yang berkesan pada sejarah Malaysia. Lantas menjadi matlamat renchana ini menyorot kembali bagaimana munchulnya seni yang unik oleh orang Melayu ini, iaitu satu kajian “sepintas lalu” dari perspektif sejarah.


Tiada siapa yang dapat menyangkal bahwa Tarian Naga itu adalah seni milik budaya orang China tetapi anihnya, “. . . di Batu Pahat sejarah tidak dapat menafikan bahawa Tarian Naga itu hanya dimainkan oleh orang2 Melayu sahaja, malah itulah aktiviti seni kumpulan orang Melayu”<sup>2</sup>.

Persoalan pertama yang utama bagi kita ialah kenakah orang Melayu di Batu Pahat sahaja yang mengamalkan seni Tarian Naga China ini dan kenapa tidak ditempat2 lain dalam Malaysia Barat ini? Jawapannya dapat kita kesan dengan meninjau usaha rengkas peranan Datuk Bentera

---

<sup>1</sup> Lihat, Anon, *Batu Pahat selepas 10 Tahun Merdeka*, Batu Pahat, 1968 ms.31.

<sup>2</sup> M.A. Pawazi Basri, *Sejarah Rengkas Batu Pahat: 1880-1917*, Latehan Ilmiah, Sejarah Universiti Malaya, K.L. 1971, ms. 49.



Gambar Tarian Naga yang dimainkan oleh orang Melayu. Diambil pada 19 September, 1955 dihadapan Kelab Y.M.A.  
Jalan Ismail, Batu Pahat, Johor bersempena dengan penyambutan Hari Keputeraan Sultan Johor.

Luar.<sup>3</sup> Saya tidak ragu2 dalam meyokong pendapat penduduk setempat bahawa Datuk Luarlah sebagai tokoh utama yang memperkenalkan seni tarian Naga kepada orang Melayu Batu Pahat.

Kita boleh membuktikan pendapat itu dengan memerikan biografi Datuk Luar sebagai latar belakangnya. Setelah dilantik menjadi kerani Temenggung Ibrahim, beliau dilantik pula menjadi Pesuruhjaya Polis Johor yang mengetuai Pasukan2 Pengaman (Polis) seluruh Negeri Johor itu. Dalam menjawat jawatan ini Datuk Luar menghadapi masaalah pertanahan dan orang2 China yang berladang gambir dan lada hitam. Sengketa2 sempadan ladang orang China sering munchul, kesulitan bahasa menyebabkan Datuk Luar sukar menyelesaikan masaalah2 diperkebunan orang2 China itu.<sup>4</sup> Oleh kerana itu Datuk Bentara Luar belajar bahasa China, tulisan dan lukisan China dari seorang singseh China bernama Chai Ah Sing (蔡阿生)<sup>5</sup>. Dalam masa yang singkat beliau berjaya menguasai Bahasa China dan adat resamnya, malah beliau juga pandai bermain muzik lagu China dengan beberapa jenis alat pancharagam China.

Batu Pahat beliau dirikan dalam tahun 1893, tetapi Muar terlebih dahulu dibangunkannya dalam tahun 1884, tetapi peleknya orang Melayu Muar tidak pula diperkenalkan dengan seni tarian naga ini. Oleh itu jelaslah seni dari orang China ini diperkenalkan selepas beliau melawat Timur Asia. Pasti sekali, kebolehan beliau menguasai bahasa China dan adat resamnya menyebabkan beliau terpilih menjadi menteri pengiring dalam tahun 1885. Kefasihan beliau berbahasa China jelas sekali bila beliau beruchap dalam bahasa China ketika merasmikan pembukaan Dewan Perniagaan China Bandar Penggaram pada tahun 1905.

<sup>3</sup> Nama sebenarnya Mohd. Salleh B. Perang, keturunan dari Pahlawan2 kerajaan Johor. Dilahirkan di Singapura dalam tahun 1841 dan meninggal dalam tahun 1915. Pernah memegang jawatan2 sebagai Kerani Temenggung Ibrahim, Pesuruhjaya Polis Johor, Menteri Tanah dan Ukur, Ahli Jemaah Kehakiman dan Rayuan, Pesuruhjaya Kerajaan di Muar dan kemudiannya di Batu Pahat (1893–1910). Dikenali dengan **Datuk Luar**, beliau yang membangunkan Batu Pahat (1893), antara orang yang pertama dikurniakan Pingat S.P.M.J. (1885). Selanjutnya lihat M.A. Fawzi Basri, ‘Datuk Bentara Luar: Peranannya dalam Sejarah Johor moden’, *Jurnal Sejarah, PSUM*, 1971/72, *Passim*. dan Mohd. Haji Alias, *Tarikh Datuk Bentara Luar*, Johor Bahru, 1928, *passim*.

<sup>4</sup> Kebanyakan **pekebun2** China itu terdiri dari golongan Tiew Chew, yang datang ke Johor sejak 1830an lagi, petempatan mereka dinamakan **kangkar** yang diketuai oleh **Kangchu**.

<sup>5</sup> Mohd. Haji Alias, *Tarikh Datuk Bentara Luar2*, ms.14.

Saya perchaya seni tarian naga oleh orang Melayu diperkenalkannya di Batu Pahat dipenghujung abad 19. Pesta Seni Budaya besaran diadakan dalam tahun 1899 dihari sambutan Keputeraan Sultan Johor. Dalam pesta di Bandar Penggaram itu penduduk dari segala bangsa menunjukkan seni budaya masing2. Orang China hanya menunjukkan wayang China, orang2 Melayu lain pula menunjukkan permainan Ghazal, Joget, Mak Yong dan barongan. Diperchayai dalam perarakaran mengelilingi Bandar Penggaram pada malam itu Tarian Naga telah dipertunjukkan oleh orang2 Melayu Batu Pahat:

“Perarakaran naga ini menjadi begitu popular di Batu Pahat masa itu tiap2 kali sambutan hari Yang Maha Mulia Sultan Johor tiap2 tahun ‘perarakaran Naga’ tiada ketinggalan . . . Bagitulah bila diadakan sebarang hari kebesaran nagapun keluarlah berarak . . . ”<sup>6</sup>

Seni Tarian Naga ini tidak sahaja dipertunjukkan dihari2 perayaan rasmi tetapi dimajlis2 perkahwinan juga dipertontonkan:

“Gedung Cheng, Gedung Cheng, Gedung Cheng, suara gendang dan bereng yang disambut pula dengan bunyi rebana dan kompaung, mengarak ‘Raja Sahari’ yang hendak naik ka jinjang pelamin.”<sup>7</sup>

Jelaslah disitu gambaran ketika perarakaran Naga dipertunjukkan, dan terdapatnya alat muzik China telah digunakan sama. Berdasarkan gambar terakhirnya<sup>8</sup> dapatlah ditafsirkan memang sejak dari seni tarian naga di perkenalkan di Batu Pahat peserta2 yang mengambil bahagian terdiri dari orang2 Melayu yang memakai pakaian lengkap serba hitam seperti mana juga yang dipakai oleh Penari2 naga bangsa China lebuh mengagumkan lagi ialah pada suatu ketika kepala Naga didayachiptakan dan diukir oleh Pak Gembor.

Seni Tarian Naga ini telah dapat diterima sebagai satu institusi dalam budaya Melayu di Batu Pahat. Ini terbukti dengan seluruh peserta yang mengambil bahagian dalam menarikan dan mengarak naga itu terdiri dari Orang Melayu. Sambutan dari penduduk Batu Pahat sangat mengagumkan, malah, harus dinyatakan bahawa Tengku Mohd Noh itu adalah seorang tokoh ugama yang disegani, namun, dia adalah yang ‘menghulukan’ kumpulan Tarian Naga itu. Disini jelaslah implikasinya iaitu telah berlaku penyerapan budaya China kedalam budaya Melayu di Batu Pahat.

---

<sup>6</sup> Anon, *Batu Pahat selepas 10 tahun Merdeka*, ms. 31.

<sup>7</sup> Anon, *Batu Pahat Selepas 10 tahun Merdeka*, ms. 31.

<sup>8</sup> Lihat Ibid., ms. 32. Gambar asalnya telah dipinjamkan kapada saya dengan ekhsan sdr. Ismail Kayat, Siswa Tahun Akhir, UM, juga penerbit disatu Perchetakan di Batu Pahat. Arkib Negara kemudiannya memfotokan semula gambar ini sebagai koleksi Arkib.

Setelah diamalkan lebuh dari 60 tahun, Tarian Naga oleh orang2 Melayu di Batu Pahat ini berakhir dalam tahun 1955, iaitu setelah bergambar ramai dihari sambutan perayaan Keputeraan Sultan Johor.<sup>9</sup>

Sejauh ini kita belum dapat mengesahkan, mengapakah pada tahun 1955 berakhirnya seni orang China yang dipusakai oleh orang Melayu Batu Pahat itu? Pergaduhan kaum selepas perang dunia ke-2 nampaknya tidak menimbulkan kebenchian orang Batu Pahat terhadap seni dari Orang China itu. Sudah tiba masanya kita menchari dimanakah perkakas2 muzik dan kepala Naga itu berada, kerana ianya satu ‘relik’ dalam sejarah tanahair. Dan penjumpaan perkakas2 itu akan menemukan kita dengan tokoh2 yang masih hidup dan mereka inilah yang dapat memberi jawapan kepada faktor2 berakhirnya seni Tarian Naga itu. Dari sinilah kita dapat mengesahkan apakah benar tahun 1955 sebagai tanggal rigid hilangnya praktis tarian dan perarakan naga oleh orang Melayu Batu Pahat.

Sebagai kesimpulan dapatlah dirumuskan, iaitu Batu Pahat telah menchipta satu ‘keunikan’ dalam sejarahnya. Jelaslah keperibadian Datuk Bentara Luar bersama2 dengan tokoh2 lain merupakan penganjur utama dan yang memajukan Tarian Naga itu kepada orang Melayu setempat. Berdasarkan gambar terakhirnya nyata sekali orang2 Melayu di Batu Pahat dapat membuktikan mereka sahajalah yang menginstitusikan kurang lebuh 60 tahun seni Tarian Naga itu.

---

<sup>9</sup> Dibelakang gambar asal itu tertulis dalam huruf jawi ‘Pada 19-9-1955 kerana menyambut Hari Jadi Sultan Johor bersamaan 2 safar 1375 dihadapan kelab Y.M.A’ (Young Men’s Association) Jalan Ismail, Batu Pahat, Johor.